


**PEMENANG PENYERTAAN YANG TERPILIH  
ANUGERAH PENDIDIKAN SAINS MTSF  
SELECTED WINNING ENTRIES OF  
MTSF SCIENCE EDUCATION AWARD  
(1997 -1999)**



Diterbitkan oleh / Published by

**MTSF**

**Yayasan Sains Toray Malaysia  
Malaysia Toray Science Foundation**

**(269817-K)**

Dengan kerjasama /In collaboration with

**Kementerian Pendidikan Malaysia  
The Ministry of Education, Malaysia  
and**

**Regional Centre for Education in Science & Mathematics,  
Southeast Asian Ministers of Education Organisation  
(SEAMEO RECSAM)**



MINISTER OF EDUCATION OF MALAYSIA

## MESSAGE

My heartiest appreciation and gratitude to Malaysia Toray Science Foundation (MTSF) for the arduous effort of publishing the second Science Education Award book for free distribution to all secondary schools in Malaysia.

I applaud MTSF for helping the nation realise one of the challenges in its Vision 2020 that is to establish a scientific and progressive Malaysian society. As science and technology play an important role in national development, my Ministry has taken steps to increase more science teachers, better facilities and effective teaching aids to popularise science subjects in schools. Our society should be transformed into a learning society with good science and technology capabilities and foundation. Our nation needs a knowledgeable society that is motivated, innovative and creative.

The compilation of past years winning entries by MTSF will undoubtedly be a good reference and resource book for both teachers and students. It will help to promote the interest in science education through innovative and creative teaching in schools. Every opportunity available to acquire science and technology knowledge should be tapped fully now so that we can benefit from it later in life.

I am confident that MTSF programmes will continue to stimulate science and technology awareness and interest among Malaysians in general and students in particular. The yearly Science Education Award is a fine example in the effort of engineering Malaysia into a progressive nation by the year 2020.

(TAN SRI DATO' SERI MUSA BIN MOHAMAD)



**MESSAGE FROM  
THE CHAIRMAN OF  
MTSF SCIENCE EDUCATION AWARD COMMITTEE**

**YM ROYAL PROFESSOR UNGKU A AZIZ**

MTSF has played its meaningful role in promoting science and technology in Malaysia. Since its inception in 1994, the annual programme has aroused the interests of many innovative science teachers and educators nationwide. The numbers of applications have increased tremendously and with this momentum, we can foresee Malaysia achieving its Vision 2020 earlier than anticipated.

It is our fervent hope that the second publication of this selected winning entries by MTSF from 1997-1999 and nationwide circulation will further promote effective science teaching and enhance students' interest in the subject in the Malaysian schools. Efforts in compiling this second publication were made possible with the help of the officers and selected teachers from the Ministry of Education and RECSAM.

Taking this opportunity, I thank the Ministry of Education, RECSAM and the MTSF secretariat for their commitment and untiring effort in promoting science and technology for the well being of Malaysia.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Aziz".

YM Royal Professor Ungku A Aziz

**YAYASAN SAINS TORAY MALAYSIA**  
**(MALAYSIA TORAY SCIENCE FOUNDATION)**  
**(269817-K)**

**SENARAI PEMENANG 1997-1999**  
**(LIST OF 1997-1999 WINNING ENTRIES)**

	<b>1997</b>	<b>1998</b>	<b>1999</b>
Pemenang (Winner Prizes) (RM5,000 each)	Mr. Ching Lee Hock, Selangor Mr. Chai Seng Hiong, Sarawak Mr. Tan Ming Tang, Sarawak Mdm. Chew Saw Bee, Penang	Mdm. Lim Pin Lean, Penang Mr. Tan Ming Tang, Sarawak Mdm. Mazni bt. Suleiman, Perlis Mdm. Chew Saw Bee, Pahang	Mr. Tan Ming Tang, Sarawak Mr. Ching Lee Hock, Selangor Mdm. Cecily Mary Peters, Selangor Mdm. Sadiah bt. Baharom, Penang
Naib Johan (Runner-up Prizes) (RM3,000 each)	Ms. Jacinta Chan Suan Khin, Sarawak Ms. Low Lee Kim, Pahang Mr. Tan Chung Yong, Sarawak Mdm. Mazni bt. Suleiman, Perlis	Mr. Ching Lee Hock, Selangor Mr. Hj. Yusof b. Ibrahim, Pahang Mr. Tho Lai Hoong, Penang Ms. Yeoh Poh Choo, Penang Mr. Phang Sin Nan, Sarawak	Ms. Jacinta Chan Suan Khin, Sarawak Mdm. Bhul Vindar Kaur a/p Gurdial Singh, Sabah Mr. Choo Chin Hoe, Sarawak Mdm. Mazni bt. Suleiman, Perlis Mdm Nabilah bt. Hashim, Perlis Mr. Chew Haw Chung, Penang Mr. Lai Mann Kheong, Perak Mr. Ooi Gim Ewe, Penang
Saguhati (Consola- tion Prizes) (RM1,000 each)	Mdm. Sharifah Norhaidah Idros, Penang Mr. Cheong Soon Cheong, Perak Mr. Ch'ng Kim San, Kedah Mr. Kalaarajan a/l N. Palanisamy, Kuala Lumpur Ms. Ting Moi Ley, Sarawak Mr. Ling Toh Woon, Selangor Mr. Mohd. Sabri b. Marin, Pahang	Mr. Ee Kong Hwee, Johor Mr. Koo Seng Chor, Sarawak Mr. Bong Jiew Chee, Sarawak Mr. Poh Liong Yong, Johor Mr. Ling Toh Woon, Selangor Mr. Ng Jin Gee, Pahang Mdm. Rohana Abdul Halim, Negeri Sembilan Mdm. Bhul Vindar Kaur d/o Gurdial Singh, Sabah Mr. Nagappan a/l Sithambaram, Kuala Lumpur Mr. Ling Kee Eng, Sarawak	Mr. Abdul Rahman bin Abdul Majid Khan, Perak Mr. Tan Chung Yong, Sarawak Mr. Goh Teng Keang, Penang Mdm. Anita Talib, Penang Ms. Khadijah bt. Noordin, Kuala Lumpur

**YAYASAN SAINS TORAY MALAYSIA  
MALAYSIA TORAY SCIENCE FOUNDATION  
(269817-K)**

**AHLI-AHLI LEMBAGA DAN JAWATANKUASA  
MEMBERS OF THE BOARD AND COMMITTEES**

**Pengerusi (Kehormat) Yayasan/Honorary Chairman of the Foundation  
(Non Board Director):**  
YBhg Tan Sri Dato' (Dr) Katsunosuke Maeda, Chairman of Toray Industries, Inc., Japan

**Ahli-Ahli Lembaga/Board Members**

Pengerusi Yayasan/Chairman of the Foundation :  
YBhg Tan Sri Khir Johari

Pengarah Urusan Yayasan & Wakil Utama Toray di Malaysia/  
Managing Director of the Foundation & Toray Chief Representative in Malaysia  
Mr Junichi Suwa (till 6 July 2001)  
Mr Eiji Doi

Pengarah-Pengarah/Directors :  
YM Royal Professor Ungku A Aziz  
YBhg Tan Sri Datuk Dr Augustine Ong Soon Hock  
YBhg Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman  
YBhg Professor Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaludin Syed Salim  
Mr Naohiko Kusakari

Setiausaha Syarikat/Company Secretary :  
YBhg Dato' OK Lee

**Ahli-Ahli Jawatankuasa "Science & Technology Award/Research Grant"/  
Selection Committee Members of the Science & Technology Award/Research  
Grant**

YBhg Tan Sri Datuk Dr Augustine Ong Soon Hock, Chairman  
YBhg Tan Sri Datuk Dr Omar Abdul Rahman, Deputy Chairman  
YBhg Dato' Dr Mohd Sham Mohd Sani  
YBhg Datuk Dr M Jegathesan  
YBhg Dato' Professor Emeritus Tan Wang Seng  
Dr Chia Swee Ping  
Dr Yong Hoi Sen

**Ahli-Ahli Jawatankuasa "Science Education Award"/  
Examination Committee Members of the Science Education Award**

YM Royal Professor Ungku A Aziz, Chairman  
YBhg Professor Tan Sri Dato' Dr Syed Jalaludin Syed Salim, Deputy Chairman  
YBhg Dato' R Ratnalingam  
Dr VG Kumar Das  
Professor Dr Chuah Chong-Cheng  
Professor Dr Sim Wong Kooi  
Tuan Haji Ibrahim Md Noh (till 31 December 2000)

**KANDUNGAN**  
*(TABLE OF CONTENT)*

**Kata Alu-aluan (*Messages*)**

Y.B. Tan Sri Dato' Seri Musa Bin Mohamad  
YM Royal Prof. Ungku A. Aziz

**Ahli-ahli Lembaga dan Jawatankuasa**

*(MTSF Members of the Board and Committees)*

**Senarai Pemenang 1997-1999 (*List of 1997-1999 Winning Entries*)**

**Pemenang Penyertaan Yang Terpilih (*Selected Winning Entries*)**

	<b>Mukasurat</b> (Page No.)
<b>Bahasa Malaysia</b>	
1 Kit Medan Magnet Untuk OHP	1 - 3
2 Alat Bantu Mengajar Kotak Karton Bulan-Bumi-Matahari	4 - 7
3 Alat Bantu Mengajar Untuk Air Pasang dan Air Surut	8 - 14
4 Model Kapal Selam	15 - 18
5 Gelombang Melintang ( <i>Transwave</i> )	19 - 20
6 Peninjau Polaroid	21 - 23
7 Proses Pembahagian Sel	24 - 25
8 Genny Rotundus : Model Genetik	26 - 29
9 Model Ringkas Tiga Dimensi Yang Memaparkan Konsep Struktur Atom	30 - 33
10 Bentuk Matematik	34 - 37

**Gambarajah/ Fotograf berwarna (*Diagrams/ Colour photographs*)**

**English Version**

1 Magnetic Field Kit for Overhead Projector (MTSF-1999)	38 - 40
2 Moon-Earth-Sun Carton Box Teaching Aids (MTSF-1999)	41 - 44
3 The High Tide and Low Tide Teaching Aid (MTSF-1997)	45 - 50
4 Model Submarine (MTSF-1998)	51 - 53
5 Transwave : Transverse Wave (MTSF-1998)	54 - 55
6 Polaroid Viewer (MTSF-1998)	56 - 58
7 The Process of Cell Division (MTSF-1998)	59 - 60
8 Genny Rotundus : Genetic Model and Teacher's Pet (MTSF-1997)	61 - 63
9 Simple Models Showing Three Dimensional Concept of Atomic Structure (MTSF-1998)	64 - 67
10 Math-Shape (MTSF-1999)	68 - 71

**Borang Penyertaan (*Sample of Application Form*)**

# 1

## KIT MEDAN MAGNET UNTUK PROJEKTOR OVERHEAD (FIZIK – MENENGAH RENDAH)

GOH TENG KEANG  
PENANG FREE SCHOOL  
JALAN MESJID NEGERI  
11600 PULAU PINANG

### Latar Belakang :

Dalam pengajaran sains di sekolah menengah rendah (terutamanya Tingkatan 3), salah satu daripada topik yang diajar ialah pembentukan medan magnet di sekitar magnet bar kekal. Cara lazim yang menggunakan serbuk besi sudah digunakan sejak beberapa dekad. Secara biasa serbuk besi ditaburkan di atas sekeping kadbur sekitar susunan magnet. Kadbur itu kemudian diketuk perlahan-lahan untuk mengetarkan serbuk besi itu supaya serbuk besi itu tersusun mengikut fluks magnet yang wujud.

Walaupun cara yang lazim digunakan itu mudah dan agak berkesan, namun selepas setiap eksperimen serbuk besi bertaburan di merata tempat. Serbuk besi itu selalunya melekat pada magnet dan agak sukar untuk ditanggalkan, kecuali menggunakan pita pelekat. Selain itu, serbuk besi itu juga bertaburan di atas meja dan perlu dibersihkan oleh attendan makmal. Terdapat juga pelajar yang menabur terlalu banyak serbuk besi sehingga pola medan yang terhasil tidak memuaskan. Sesetengah pelajar sengaja menabur serbuk besi itu di atas magnet dan bukan di sekitarnya dan ini menambahkan lagi beban kerja pembersihan bagi guru dan attendan.

Selepas mencuba dengan berbagai kaedah akhirnya saya dapat mereka satu plat medan magnet yang mudah dihasilkan dan berkesan untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

### Objektif :

1. Menyediakan satu kaedah yang mudah, bersih dan berkesan untuk memperlihatkan dan mempamerkan pola medan magnet.
2. Memberi peluang kepada pelajar untuk menghasilkan dan menyimpan pola medan magnet.

### Faedah kepada Pengajaran dan Pembelajaran:

Penggunaan plat medan magnet ini dapat meyelesaikan masalah sentuhan serbuk besi dengan magnet. Serbuk besi tidak lagi bertaburan di merata tempat. Setiap kali satu medan magnet yang sempurna dapat dihasilkan kerana terdapat satu lapisan serbuk besi yang seragam dalam plat itu. Pelajar yang paling lemah pun dapat menghasilkan medan magnet yang sempurna. Pola medan magnet dapat dihasilkan dalam masa 1 atau 2 saat sahaja (Gambar 1-P10a & 1-P10b).

Plat ini juga boleh digunakan bersama projektor overhead untuk tujuan demonstrasi apabila bilangan pelajar dalam kelas terlalu besar atau apabila

radas tidak mencukupi. Pelajar-pelajar juga dapat melihat perubahan pola medan magnet apabila magnet digerakkan di atas plat tersebut (rujuk 1-P11a, 1-P11b, 1-P11c & 1-P11d). Sebuah kompas kecil boleh digunakan untuk menunjukkan arah medan magnet yang terhasil.

Bahan yang digunakan adalah kuat dan tahan lama dan kos penghasilannya rendah.

**Bahan dan  
Radas :**

Bahan-bahan yang diperlukan adalah seperti berikut (rujuk 1-P1) :  
Kepingan plastik  
Serbuk besi  
Cecair parafin  
Kloroform  
Magnet  
Penutup tin  
Plat kaca  
Lilin  
Penunu Bunsen

**Kaedah  
Mereka  
Bentuk :**

Plat medan magnet diperbuat daripada dua kepingan plastik berbentuk segi empat sama ( $25\text{cm} \times 25\text{cm}$ ) yang ditutup rapat di keempat-empat sisinya dengan menggunakan empat jalur plastik (lebar 1.0cm). Kepingan plastik dan jalur itu dilekat dengan menggunakan kloroform (rujuk 1-P2). Dua lubang kecil ditebus pada salah satu daripada kepingan plastik untuk membolehkan campuran cecair parafin dan serbuk besi diisikan ke dalam plat itu (1-P3). Selepas 90% daripada plat itu diisi, kedua-dua lubang tersebut ditutup dengan menggunakan lilin. Ruang udara dalam plat itu membolehkan serbuk besi disusun semula setiap kali medan magnet yang baru hendak dikaji

**2. Pola Medan Magnet Kekal**

Untuk mengekalkan pola medan magnet atas penutup tin (rujuk 1-P4), sebuah penutup tin hendaklah disaluti dengan satu lapisan nipis lilin lebur (1-P5). Magnet kemudian diletakkan di bahagian bawah penutup tin dan serbuk besi ditaburkan ke dalam lilin yang masih cair itu. Penutup itu diketuk perlahan-lahan untuk menyusun serbuk besi itu mengikut pola medan magnet. Penutup itu kemudian dipanaskan atas api penunu bunsen selama 5 saat (1-P6). Serbuk besi akan terbenam dalam lilin dan apabila lilin itu beku kelak satu pola medan kekal dihasilkan.

Kaedah yang sama boleh digunakan untuk membentukkan pola medan atas kepingan kaca (1-P7). Pola yang terhasil atas kepingan kaca boleh ditayangkan dengan menggunakan projektor overhead (1-P8).

**Cara perlaksanaan :** Plat medan magnet (1-P9) ini mudah digunakan kerana pola medan magnet dapat diperlihatkan dalam beberapa saat sahaja. Untuk menggunakannya, plat itu perlu digoncang atau diterbalikkan beberapa kali. Udara yang terperangkap akan membantu menyeragamkan taburan serbuk besi.

Plat medan magnet ini mudah dihasilkan kerana bahan dan radas yang diperlukan mudah diperoleh. Pelajar-pelajar sendiri boleh menghasilkannya dan kerja-kerja menghasilkannya boleh dijalankan sebagai aktiviti berpersatuhan.

**Cadangan untuk pengubah-suaian :**

**1. Plat medan magnet**

Cecair parafin tidak semestinya perlu dimasukkan ke dalam plat itu. Hanya serbuk besi yang mencukupi ditaburkan di atas plat kemudian sekeping plat lain diletakkan di atas empat jalur plastik. Plastik itu diletakkan kepada jalur plastik itu dengan menggunakan klorofom. Pastikan ruang antara plat itu kedap udara. Jika mungkin lebih baik dimasukkan silika gel ke dalam ruang antara plat itu sebelum digamkan untuk mengeringkan udara di dalam plat itu.

**2. Pola medan magnet kekal**

Lilin boleh digosokkan di atas sekeping aluminium atau plastik. Magnet diletakkan di atas kepingan aluminium atau plastik tersebut. Serbuk besi ditabur di keliling magnet dan kepingan aluminium dan plastik diketuk perlahan-lahan. Gunakan api lilin, panaskan lilin pada kepingan aluminium atau plastik itu. Serbuk besi itu akan melekat kepada lilin apabila sejuk.

# 2

## ALAT BANTU MENGAJAR KOTAK KARTON BULAN-BUMI-MATAHARI (FIZIK - MENENGAH RENDAH )

TAN CHUNG YONG  
LIEW KOK LAM

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN ST. THOMAS  
JALAN McDougall, 93000 KUCHING, SARAWAK

### Latar Belakang :

Kita amat tertarik dengan fenomena astronomi di sekeliling kita. Ia adalah suatu langkah permulaan yang baik untuk memperkenalkan beberapa topik astronomi tertentu dalam sukanan pelajaran sains Tingkatan 3.

Pada masa sekarang, konsep-konsep yang perlu diperkenalkan kepada pelajar Tingkatan 3 ialah :

- a) Putaran bumi menyebabkan kejadian siang dan malam serta kejadian matahari, bulan dan bintang terbit dan terbenam.
- b) Kejadian gerhana bulan dan gerhana matahari.
- c) Kejadian empat musim yang disebabkan oleh putaran bumi mengelilingi matahari dan kedudukan paksi bumi yang condong.
- d) Kalendar

Biasanya guru-guru menggunakan kaedah-kaedah yang diberi dalam buku teks atau cara-cara lain seperti berikut :

- Menggunakan lampu suluh menyinari model bumi (glob) untuk menerangkan tentang konsep (a) dan (b). (Rujuk gambarajah 2-D1 dan 2-D2)
- Carta kejadian empat musim (rujuk 2-D3) digunakan untuk menerangkan konsep (c) atau secara demonstrasi oleh guru seperti yang ditunjukkan dalam 2-P1.
- Gambarajah dua dimensi tidak menunjukkan dengan betul banyaknya cahaya yang diterima oleh setiap hemisfer bumi.
- Tarikh-tarikh untuk solstis dan ekuinox diajar secara fakta sahaja.

Kelemahan menggunakan kaedah yang biasa di atas ialah :

- a) Pelajar-pelajar yang berdiri di sekeliling guru memerhati model bumi (glob) pada sudut-sudut yang berbeza. Sebab itu mereka tidak memperolehi pandangan yang sama seperti dikehendaki oleh guru (rujuk 2-P1).
- b) Sukar untuk guru mengekalkan kedudukan paksi model bumi (glob) dalam keadaan condong pada sudut yang tetap dan pada masa yang sama menunjuk pada arah tertentu. Sebarang perubahan kepada ke dua-dua faktor tersebut akan mempengaruhi keputusan dan pemahaman pelajar.

- c) Semasa model bumi (glob) dibawa mengelilingi mentol yang menyala, sukar bagi pelajar mengaitkan tarikh, kedudukan bumi, banyaknya cahaya yang diterima oleh hemisfera bumi dan nama musim yang dialami oleh kawasan-kawasan tertentu bumi.
- d) Selepas tamat pelajaran tersebut pelajar masih kabur tentang konsep pembentukan empat musim tersebut.

**Objektif :**

1. Pelajar memperolehi pengalaman baru dan secara hands-on untuk memahami kejadian gerhana bulan, gerhana matahari, kejadian siang dan malam dan kejadian empat musim.
2. Pelajar melalui dan menggunakan kemahiran saintifik dan kemahiran berfikir kreatif untuk membina kefahaman tentang konsep-konsep di atas.
3. Menggalakkan pelajar belajar dalam kumpulan koperatif yang kecil menggunakan bahan-bahan yang murah dan mudah diperolehi.

**Alat Bantu  
Mengajar Kotak  
Karton Bulan-  
Bumi-Matahari :**

- Alat bantu mengajar Kotak Karton Bulan-Bumi-Matahari adalah satu alat yang murah dan ringkas, diperbuat daripada sebuah kotak segi empat yang sesuai untuk mengatasi masalah-masalah di atas.
- Ia tidak menyebabkan gangguan cahaya kepada eksperimen-eksperimen kumpulan lain.
- Ia tidak memerlukan bilik yang terlalu gelap.
- Ia boleh digunakan untuk mempelajari semua konsep yang tersebut di atas.
- Ia menyediakan masa dan kemudahan visual untuk mengaitkan kalender dengan ke empat-empat musim.
- Ia membantu pelajar memahami kejadian empat musim dan mengapa tempoh masa siang dan malam berubah mengikut musim-musim tersebut di tempat-tempat tertentu.
- Ia menjadikan pelajaran sains lebih menarik dan bermakna dalam kehidupan harian.
- Setiap pelajar memperolehi pengalaman ‘hands-on’.
- Setiap pelajar diberi peluang membina konsep yang dipelajari dalam minda masing-masing.

**Faedah Kepada  
Proses  
Pengajaran  
Dan  
Pembelajaran :**

1. Setiap pelajar berpeluang membuat pemerhatian sendiri dan memahami konsep dengan jelas.
2. Pelajar berminat dan seronok melakukan aktiviti kerana dilakukan secara ‘hands-on’.
3. Proses pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan dan bermakna kerana pelajar dapat berbincang dan memerhati fenomena langkah demi langkah.
4. Alat bantu mengajar ini murah dan mudah disediakan.
5. Pelajar-pelajar boleh melakukannya dalam kumpulan kecil (lihat 2-P6).

6. Gangguan cahaya kepada kumpulan-kumpulan lain tidak berlaku kerana menggunakan sumber cahaya yang tidak kuat dan terbatas kepada kotak itu sahaja.
7. Alat bantu pengajaran ini sangat berguna kerana kebanyakan pelajar tidak pernah mengalami kejadian empat musim dan waktu malam yang panjang pada musim sejuk.

**Bahan / Radas :**

- Kotak karton (segi empat)
- Kertas hitam
- Gam
- 5 bola polistirena
- 1 mentol elektrik (6V)

**Kaedah Mereka Bentuk :**

1. Alat bantu pengajaran terdiri daripada tiga bahagian utama, iaitu :
  - Kotak karton hitam
  - Penggandar atau penyokong
  - Model bulan (plastisin), bumi (bola polistirena) dan matahari (mentol elektrik 6V)
2. Permukaan bahagian dalam kotak karton di gam dengan kertas hitam (lihat 2-P2) untuk mengelakkan atau mengurangkan pantulan cahaya.
3. Penggandar / penyokong (lihat 2-P2) terdiri daripada tiga lapisan (dipotong dari kotak kartun) dan dilekatkan bersama-sama di mana pemegang yang di tengah-tengah sebahagiannya dipotong pada sudut  $66.5^{\circ}$  kepada garis ufuk (rujuk 2-D4).
4. Model-model bulan, bumi dan matahari (lihat 2-P2 dan 2-D5).

**Cara Pelaksanaan :**

1. Paksi bumi (rod tembaga) dimasukkan ke dalam penggandar (penyokong).
2. Mentol (mewakili matahari) dinyalakan supaya bahagian permukaan tertentu bola polistirena (mewakili bumi) disinari dengan cahaya.
3. Pin berwarna dicucuk pada permukaan bola polistirena untuk menggambarkan manusia dan paksi bumi diputarkan. Pembentukan siang dan malam yang biasa dialami oleh manusia (diwakili oleh pin berwarna ) boleh diperhatikan (lihat 2-P3 dan 2-P4).
4. Untuk memerhatikan pembentukan gerhana bulan dan gerhana matahari, putarkan bola plastisin (mewakili bulan) sekeliling bola polistirena.
5. Pelajar boleh memerhati bola-bola polistirena untuk menyiasat perubahan taburan cahaya yang berlaku secara beransur-ansur di Hemisfer Utara dan Hemisfer Selatan.
6. Pelajar boleh mengira tarikh-tarikh solistik dan equinoks dengan cara menetapkan satu daripada tarikh-tarikh itu.

7. Setiap pelajar juga boleh memerhatikan perbezaan antara tempoh masa untuk siang dan malam di sesuatu tempat pada musim-musim berbeza dengan cara memutarkan paksi bumi (lihat 2-P5).
8. Alat bantu pengajaran Kotak Karton Bulan-Bumi-Matahari boleh juga digunakan bersama dengan soalan-soalan yang dicetak sebagai panduan terutamanya untuk pelajar lemah atau pelajar yang rendah imiginasi.

**Cadangan Untuk Pengubahsuaiann :**

Mentol yang digunakan seboleh-bolehnya jenis lutcahaya (*translucent*) bagi mendapat kesan cahaya yang sesuai. Seandainya tidak terdapat mentol sedemikian, bolehlah diusahakan supaya ia dibalut dengan kertas yang lutcahaya.

Model ini baik untuk menjelaskan kejadian 4 musim dan juga kejadian siang malam serta gerhana bulan. Bagi tujuan kejadian siang dan malam sahaja, guru bolehlah menggunakan sumber cahaya dari OHP supaya cahaya yang diperolehi lebih memberi kesan bayang yang jelas.

# 3

## ALAT BANTU MENGAJAR UNTUK AIR PASANG DAN AIR SURUT (FIZIK – MENENGAH RENDAH)

TAN CHUNG YONG  
LIEW KOK LAM  
SMB ST. THOMAS, JALAN MACDOUGALL,  
93000 KUCHING, SARAWAK.

### Latar belakang :

1. Air pasang dan air surut ialah fenomena alam semula jadi yang penting di dalam kehidupan kita.
2. Di sekolah, topik ini diajar dengan Hukum Sir Isaac Newton tentang Tarikan Graviti oleh bulan dan matahari.
3. Fenomena ini tidak difahami dengan sepenuhnya oleh pelajar-pelajar disebabkan :
  - ◆ biasanya, topik ini diajar secara teori dengan menggunakan carta sahaja.
  - ◆ di dalam proses pembelajaran, pelajar-pelajar dikehendaki mengingati semula pengalaman mereka tentang ombak yang diperhatikan oleh mereka dengan terperinci.
  - ◆ pelajar yang tinggal di kawasan pedalaman atau lokasi tertentu tidak mengalami fenomena ini.
  - ◆ kebanyakan pelajar mempunyai miskonsepsi bahawa pusingan air pasang dan air surut setiap dua belas jam adalah disebakan oleh daya tarikan gravity bulan sahaja. Adalah tidak menghairankan jika ramai orang dewasa juga mempunyai miskonsepsi ini.
  - ◆ bumi adalah terlalu besar untuk disedari pergerakannya.
  - ◆ pelajar berfikir bahawa air surut yang dialami oleh mereka adalah disebabkan oleh air pasang bergerak jauh dari tempat mereka
  - ◆ mereka gagal menghubungkaitkan masa yang diambil oleh evolusi/peredaran bulan dengan masa yang diambil oleh putaran bumi. Perhubungan ini memainkan peranan yang penting tentang kewujudan fenomena ini.
  - ◆ terdapat empat elemen yang bertanggungjawab kepada fenomena ini, iaitu : (a) evolusi bulan, (b) kedudukan ombak, (c) masa dan (d) putaran bumi. Biasanya, pelajar gagal membentuk suatu perhubungan yang betul di antara keempat-empat elemen ini yang bertanggungjawab kepada pembentukan air pasang dan air surut.
  - ◆ tiada peralatan yang sedia ada di pasaran

- ◆ pelajar-pelajar tidak diberikan peluang untuk membentuk pengetahuan ini disebabkan kekurangan peralatan yang sesuai.

Memandangkan keadaan ini, satu alat bantu mengajar yang ringkas telah direka untuk pelajar mempelajari topik ini melalui kaedah simulasi.

#### **Objektif :**

Tujuan utama untuk menyediakan alat bantu mengajar ini adalah:

- ◆ untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar menjalankan simulasi eksperimen untuk menerangkan fenomena alam semulajadi
- ◆ sebagai peralatan untuk mengkaji perhubungan di antara peredaran bulan, peredaran bumi serta kedudukan kawasan air pasang dan air surut pada suatu masa tertentu
- ◆ untuk membolehkan pelajar-pelajar menghubungkan aktiviti-aktiviti makmal dengan kehidupan sehari-hari
- ◆ untuk membentuk suatu gambaran yang sebenar tentang pembentukan air pasang dan air surut yang bermakna serta menyingkirkan miskonsepsi pelajar
- ◆ untuk membekalkan alat bantu yang berkesan di dalam pemelajaran sains topik ini

#### **Faedah kepada pengajaran dan pembelajaran :**

- a. Alat bantu mengajar yang direka bentuk ini adalah ringkas dan murah tetapi kesannya di dalam proses pembelajaran adalah ketara dan memberangsangkan
- b. Ia membekalkan peluang untuk pelajar-pelajar menjalankan simulasi eksperimen. Dengan bantuan alat ini, pelajar-pelajar boleh meniru dan mengkaji :
  - ◆ putaran bumi
  - ◆ evolusi bulan
  - ◆ kedudukan air pasang dan air surat serta
  - ◆ masa yang terlibat di dalam perubahan-perubahan ini (rujuk 3-P4, 3-P5, 3-P6, 3-P7 dan 3-P8).
- c. Di dalam aktiviti ini, pelajar-pelajar boleh membentuk suatu gambaran yang betul tentang fenomena air pasang dan air surut di dalam pemikiran mereka
- d. Pelajar-pelajar boleh membuat kesimpulan melalui keputusan eksperimen dan bukan secara teori
- e. Dengan kajian ini, pengetahuan sains dihubungkaitkan dengan fenomena kehidupan kita setiap hari
- f. Untuk pelajar lemah, guru boleh mengajar topik ini dengan menggunakan transparensi dan projektor overhead (rujuk 3-P4, 5, 6, 7 dan 8). Oleh itu, fenomena air pasang dan air surut yang berlaku dengan tidak terhenti-henti di lautan telah membawa kepada tindakan di dalam kelas atau makmal

- g. Alat bantu mengajar ini adalah berguna terutamanya di daerah di mana pelajar-pelajar tidak mengalami fenomena ini
- h. Aktiviti ini menggalakkan pembelajaran kooperatif di kalangan pelajar-pelajar yang ditekankan oleh para pendidik (rujuk 3-P9)

**Bahan/Radas :**


Bahan-bahan yang diperlukan untuk menyediakan alat bantu mengajar ini adalah :

- a. Lembaran plastik lutsinar ( $210\text{mm} \times 300\text{ mm}$ ) – 4 keping
- b. Satu pin logam
- c. Pelbagai pen marker berwarna


**Kaedah mereka bentuk :**

- Cara menyediakan alat bantu mengajar ini adalah seperti berikut:
- a. Di atas setiap lembaran plastik A, B, C, dan D, tetapkan satu titik
  - b. Di atas lembaran A, lukis satu bulatan dengan jejari  $2.5\text{ cm}$  daripada titik tetap O (A) untuk mewakili bumi.
  - c. Di atas lembaran B, lukis satu bulatan dengan jejari  $2.6\text{ cm}$  daripada titik tetap dan satu bentuk air pasang dan air surut dilukis di luar bulatan. Lukis satu bulatan kecil dengan jejari  $0.5\text{ cm}$  dengan jarak  $6\text{ cm}$  daripada titik tetap untuk mewakili bulan
  - d. Di atas lembaran C, lukisan adalah sama dengan B.
  - e. Di atas lembaran D, lukis suatu bulatan dengan jejari  $10\text{ cm}$  daripada titik tetap. Bahagikan tepi dalaman bulatan kepada 24 bahagian yang sama dan label mereka daripada 0 ke 24 (D) untuk mewakili masa satu hari.


**A (rujuk 3-P1)**



**B and C (rujuk 3-P2)**



**D (rujuk 3-P3)**



**Cara pelaksanaan :**

Pelaksanaan pengajaran atau kaedah bimbingan guru seperti berikut :

(I) Teori konstruktivisme

Penyelidikan ke atas konsepsi kanak-kanak menunjukkan bahawa hasil pembelajaran bergantung bukan sahaja pada persekitaran pembelajaran tetapi juga pada pengetahuan pelajar. Pembelajaran melibatkan pembentukan makna. Makna dibentuk oleh pelajar adalah secara luasnya dipengaruhi oleh pengetahuan asas mereka. Oleh itu, pelajar-pelajar mempunyai tanggungjawab yang terakhir untuk pembelajaran mereka sendiri. Justeru itu, seorang guru perlu mempunyai pengetahuan yang tinggi untuk membantu pelajarnya, dan tujuan utama pengajaran adalah supaya pemelajaran berlaku.

Alat bantu mengajar ini adalah satu peralatan untuk memberikan peluang kepada pelajar untuk membentuk makna tentang fenomena air pasang dan air surut berdasarkan pengetahuan asas mereka yang telah mereka pelajari dahulu. Pengetahuan asas ini adalah :


- Tarikan gravity bulan menyebabkan air pasang
- Terdapat 24 jam di dalam sehari
- Bulan mengambil 29.5 hari atau 708 jam untuk melengkapkan suatu evolusi mengelilingi bumi
- Bumi mengambil 24 jam untuk melengkapkan suatu putaran pada paksi kutubnya

(II) Susunan dan kegunaan alat bantu mengajar

- Pelajar-pelajar dibekalkan dengan empat lembaran plastik dengan A, B, C dan D di atas masing-masing.
- Berdasarkan kepada pengetahuan asas mereka, mereka perlu menyusunkan bumi, bulan dengan air pasang di dalam kedudukan mereka masing-masing. Bulatan luaran akan menunjukkan masa air pasang.

Hasil susunan yang dijangkakan adalah ditunjukkan di bawah :


Pertindihan lembaran plastik dengan A, B dan D



Di dalam gambarajah, ia menunjukkan pokok mengalami air pasang pada pukul 5 pagi (rujuk 3-P4)

(III) Untuk memerhati perubahan paras air ombak, perubahan masa, pusingan bumi dan evolusi bulan perlu dikaji.

- ◆ Satu pin dimasukkan pada titik O.
- ◆ A yang mewakili bumi diputarkan pada titik O.
- ◆ C ditambahkan kepada susunan untuk menunjukkan kedudukan baru bulan dan ombak.
- ◆ Keputusan pergerakan ini akan menunjukkan keadaan yang berlainan untuk kedudukan bulan, ombak, pokok dan masa
- ◆ Keputusan jangkaan tentang keadaan baru boleh ditunjukkan seperti di bawah



- ❖ Apabila bumi sedang berputar, ia akan membawa pokok ke arah kawasan air surut pada jam 0800.
- ❖ Sungguhpun kedudukan bulan juga telah bertukar, ia menunjukkan sedikit perubahan sahaja sebab ia mengambil 708 jam untuk melengkapkan suatu evolusi mengelilingi bumi. Oleh kerana itu, air pasang dikawal oleh tarikan gravity bulan (3-P5)
- ❖ Dengan putaran bumi secara berterusan, pokok akan mengalami air surut dan air pasang setiap enam jam, iaitu pada jam 1100 – air surut (3-P6); pada jam 1700 – air pasang (3-P7); pada jam 2300 – air surut dan air pasang sekali lagi pada pagi esok (3-P8)
- ❖ Bulatan ini dan kedudukan air pasang dan air surut boleh dikaji dengan memutarkan gambarajah bumi dan bulan serta gambarajah ombak.

## Cadangan untuk

- pengubahsuaihan :**
- Penerangan konsep "air pasang dan air surut" akan lebih jelas lagi sekiranya simulasi eksperimen dengan projektor overhead yang agak statik ini boleh dijadikan hidup dan dijelaskan dengan lanjutnya melalui tayangan strip filem atau CD-ROM yang berterusan dan membayangkan situasi hidup yang sebenar
  - Jelaskan dengan lebih terperinci atau spesifik langkah-langkah strategi seperti pembelajaran kooperatif (pendekatan Berstruktur atau Konseptual) yang telah dicadangkan.

# 4

## MODEL KAPAL SELAM (SAINS -TINGKATAN 5 / FIZIK – PRA-UNIVERSITI)

LING TOH WOON  
KOLEJ TAYLOR, 1, JALAN SS 15/8  
47500 SUBANG JAYA, SELANGOR

### Latar Belakang Dan Objektif :

1. Untuk menyiasat kesan perubahan tekanan udara bagi mengawal timbul dan tenggelam sesebuah kapal selam.
2. Untuk membantu pelajar memahami prinsip Archimedes dengan lebih mudah dan mendalam.
3. Untuk menghasilkan satu alat bantu mengajar (model kapal selam) daripada bahan kitar semula
  - (a) Pelajar-pelajar akan mendapat kefahaman yang lebih baik berkaitan aplikasi Prinsip Archimedes dan tekanan udara.
  - (b) Pelajar-pelajar dapat menanam minat dalam bidang kejuruteraan laut.
  - (c) Model kapal selam ini memberikan idea dan menggalakkan pelajar-pelajar merekacipta alat pengangkutan air yang lebih cekap.

### Faedah Kepada Pengajaran Dan Pembelajaran :

### Bahan/ Radas :

<u>Bil.</u>	<u>Alat radas</u>	<u>Kuantiti</u>
1.	Botol plastik 1.5 liter	1
2.	Rod loyang 20 cm	2
3.	Picagari	2
4.	Washer getah	3
5.	Salur getah lutsinar 30 cm	2
6.	Tiub PVC diameter 1 cm	1
7.	Gelang getah	1
8.	Akuarium plastik 30 x 60 cm	1

### Kaedah mereka bentuk :

Berikut adalah kaedah membina kapal selam :

Model kapal selam ini akan digunakan untuk menunjukkan bagaimana prinsip-prinsip asas dalam sebuah kapal selam yang sebenar berfungsi.

Model kapal selam ini menggunakan sebuah botol plastik, dua pam dan sebuah akuarium plastik.

#### (i) Binaan "Kapal selam"

Kapal selam ini diperbuat daripada sebuah botol plastik 1.5 liter. Botol ini diletakkan secara mengufuk, bahagian penutup botol ini bertindak sebagai kepala kapal selam dan bahagian badan botol bertindak sebagai ekor kapal selam. Dua injap iaitu injap (A) dan

injap (B) dilekat pada bahagian bawah kapal selam. Satu lagi injap, iaitu injap (C), diletakkan pada mulut sebuah tiub PVC. Tiub PVC (D) itu dijolok masuk ke dalam badan kapal selam. Tiub (E) dan tiub (F) disambung kepada pam (G) dan (H) masing-masing. Tiub ini disambungkan kepada bahagian atas kapal selam. Dua rod loyang (I) dilekatkan pada bahagian bawah di sebelah kiri dan kanan kapal selam, seperti yang ditunjukkan dalam 4-D1.

(ii) Binaan Injap

Injap (A) dan injap (B) terdiri daripada empat lubang yang ditutupi oleh sekeping plastik bulat. Empat lubang kecil ditebus pada bahagian bawah kapal selam. Injap ini hanya terbuka pada sebelah bahagian dalam kapal selam. Pembukaan dan penutupan injap ini dikawal oleh air iaitu tekanan udara di dalam kapal selam.

Injap (C) diperbuat daripada "washer" getah yang diikat kepada satu gelang getah yang berfungsi untuk mengawal pembukaan dan penutupan injap (C).

(iii) Pam

Pam (G) (sebuah picagari) digunakan untuk mengepam udara ke dalam kapal selam.

Pam (H) (sebuah picagari) digunakan untuk menyedut udara keluar dari dalam kapal selam.

(iv) Rod Loyang

Rod-rod loyang dilekatkan kepada kedua-dua sisi kapal selam. Mereka berfungsi mengimbangkan kapal selam. Rod-rod ini juga membantu mempercepatkan penenggelaman kapal selam itu, ini mempercepatkan masa eksperimen.

(v) Akuarium Plastik

Akuarium ini diisikan dengan air dan bertindak sebagai lautan dimana kapal selam ini diuji.

(vi) Cara mengendalikan kapal selam

- (a) Prinsip Archimedes digunakan untuk menerangkan bagaimana kapal selam ini timbul dan tenggelam. Prinsip Archimedes menyatakan bahawa air yang disesarkan menghasilkan daya *tujah ke atas*.
- (b) Pada mulanya kapal selam ini diisikan dengan air pada aras tertentu untuk mengjudkan tekanan yang akan menghalang injap (A) dan injap (B) terbuka, supaya udara tidak keluar daripada dalam kapal selam melalui injap ini.

- (c) Udara dalam kapal selam disedut keluar menggunakan pam (H). Ini menyebabkan bahagian dalam kapal selam itu mengalami separa vakum. Air akan masuk ke dalam kapal selam melalui injap (A) dan injap (B).
- (d) Apabila air masuk memenuhi ruang tangki dalam kapal selam, berat kapal selam itu bertambah dan beratnya melebihi *tujah ke atas*, menghasilkan satu daya bersih yang bertindak *ke bawah* dan menyebabkan kapal selam itu tenggelam.
- (e) Untuk menimbulkan semula kapal selam itu, air dikeluarkan dari kapal selam dan digantikan dengan udara. Ia dilakukan dengan cara mengepam udara ke dalam kapal selam menggunakan pam (G) dan ini memaksa air keluar melalui tiub PVC (tiub D) dan injap (C). Dengan itu kapal selam menjadi lebih ringan, dan daya tujah ke atas melebihi berat kapal selam. Jadi daya bersih akan bertindak ke arah atas, menyebabkan kapal selam timbul.

**Cara Perlaksanaan :**

Penggunaan kapal selam ini sebagai alat bantu mengajar dapat dirujuk dari segi kecekapannya yang dapat diperhatikan berdasarkan kepada :

- (a) Tekanan Udara  
Tekanan udara yang sangat rendah mengujudkan separa vakum dalam kapal selam, menyebabkan air memasuki ke dalam kapal selam itu. Kapal selam itu akan mula tenggelam.  
  
Tekanan udara yang tinggi menghalang air masuk ke dalam kapal selam dan pada masa yang sama akan memaksa air di dalam kapal selam itu mengalir keluar. Maka kapal selam itu mula timbul.
- (b) Tujah ke atas  
Apabila air masuk ke dalam kapal selam, berat keseluruhan kapal itu bertambah. Jika berat kapal selam melebihi tujah ke atas, maka kapal selam itu tenggelam. Jika air dipam keluar dari kapal selam, berat keseluruhan kapal itu semakin berkurang, apabila berat kapal kurang daripada tujah ke atas maka kapal itu akan timbul. Kapal selam akan kekal terapung apabila air dimasukkan ke dalam tangki kapal, supaya berat kapal adalah sama dengan daya tujah ke atas.

Semua penerangan teori di atas boleh dibuktikan melalui eksperimen menggunakan model kapal selam ini.

(Rujuk juga 4-P1, 4-P2, 4-P3, 4-P4 dan 4-P5).

**Cadangan untuk pengubahsuaian :**

Pembinaan kapal selam di atas agak sukar. Bagi mencapai objektif yang sama, binaan kapal selam itu boleh dipermudahkan seperti berikut: Satu lubang dibuat di bahagian bawah kapal selam tersebut dan satu lubang di bahagian atas. Lubang bahagian atas disambung kepada satu tiub PVC kepada picagari yang besar (lebih kurang 10-20 cm<sup>3</sup>). Depan kapal selam itu ditutup dengan tudungnya.

Cara pelaksanaannya : Air diisi ke dalam botol (kapal selam) itu melalui mulut botol itu dengan membuka tudungnya. Air diisi sehingga ia cukup untuk tenggelam di bawah permukaan air. Tutup mulut botol dengan penutupnya. Tolak omboh picagari ke hadapan, tekanan udara dalam kapal selam itu akan menolak air keluar dan kapal selam itu akan timbul. Tolak omboh itu ke belakang, tekanan menjadi kurang dan air akan masuk ke dalam kapal selam dan kapal selam itu tenggelam.

# 5

## GELOMBANG MELINTANG (TRANSWAVE) (FIZIK – MENENGAH ATAS)

EE KONG HWEE  
LAU YEN FUNG

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN YONG PENG  
JALAN ANN LOH YUEN  
83700 YONG PENG, JOHOR

### Latar Belakang :

Pergerakan gelombang terhasil disebabkan oleh perambatan gangguan dalam sistem fizikal. Sistem-sistem ini boleh jadi cecair, seperti air atau suatu tali. Contohnya zarah-zarah dalam gelombang air diganggu apabila seketul batu dijatuhkan ke dalam satu kolam yang tenang. Gelombang itu tidak merambat dalam arah gelombang tetapi hanya bergetar ke atas dan ke bawah iaitu kepada sudut yang tepat kepada arah gelombang itu bergerak. Oleh itu gelombang air adalah gelombang melintang.

Di dalam makmal, eksperimen boleh dijalankan jika satu hujung tali yang panjang ditetapkan pada paras atas tanah. Biarkan tali itu digantung agak longgar dan kemudian berikan tali itu satu siri sentapan ke atas dan ke bawah atau menghayunkan slinki spring ke kiri dan ke kanan di atas sebuah meja, seperti yang biasanya ditunjukkan dalam buku teks atau buku kerja.

Tunjukcara ini akan menghasilkan satu gambaran bila mana pergerakan gelombang diwakili secara grafik. Ini mewakili apa yang dikenali sebagai Gelombang Sinus dan adalah satu gambaran yang agak kurang lengkap mengenai proses dinamik sebenar yang berlaku dalam perambatan gelombang.

Ini adalah kerana pelajar-pelajar tidak dapat menggambarkan atau membayangkan getaran yang sebenar. Oleh itu saya telah memikirkan dan membina satu alat yang digelar ‘Transwave’ supaya dapat memberi satu gambaran yang lebih baik dan jelas tentang proses dinamik gelombang sebenar yang merambat.

### Objektif :

Mengajar pergerakan gelombang melintang bukanlah satu tugas yang mudah kerana pelajar tidak dapat menggambarkan getaran-getaran zarah-zarah apabila sistem fizikal itu diganggu.

Dengan membina satu model yang ringkas serta murah yang digelar ‘Transwave’ dengan menggunakan wayar dan bahan-bahan lain yang senang didapati, pelajar-pelajar boleh melihat dengan jelas dan dengan mata sendiri getaran-getaran zarah system itu pada sudut tepat ke arah

perambatan daripada imej gerakan gabus yang ditunjukkan pada skrin. Dengan ini pemahaman pelajar mengenai prinsip-prinsip yang terlibat dapat dipertingkatkan dan ini juga dapat meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran Fizik. Selain daripada itu ia dapat membolehkan pelajar-pelajar menggunakan pengetahuan tentang pergerakan gelombang dan kaitkannya dalam kehidupan harian.

**Faedah kepada pengajaran dan pembelajaran :**

Alat ‘Transwave’ ini senang dihasilkan. Ia menjimatkan belanja dan boleh dibina dengan mudah kerana bahan-bahan yang digunakan adalah mudah, senang diperolehi dan boleh dikitar semula. Ia boleh digunakan sebagai eksperimen individu, sebagai demonstrasi atau sebagai eksperimen kumpulan. Keunikan cara ini dapat difahami oleh sesiapa sahaja yang menjalankan eksperimen ini. Ia menolong pelajar untuk lebih memahami eksperimen ini berbanding dengan kaedah-kaedah tradisi.

**Bahan/Radas :**

- (i) wayar berdiameter lebih kurang 1 mm
- (ii) beberapa gabus untuk mewakili zarah-zarah
- (iii) lampu pendaflour
- (iv) skrin
- (v) penyokong yang diperbuat daripada papan (lihat 5-P1)

**Cara pelaksanaan :**

1. Satu wayar berdiameter lebih kurang 1 mm dibengkokkan dalam satu lingkaran beberapa pusingan. Beberapa gabus ditetapkan pada beberapa tempat yang ditetapkan. Gabus-gabus ini akan mewakili zarah-zarah air seperti ditunjukkan dalam gambar (rujuk 5-P1).
2. Satu lampu pendaflour diletakkan dihadapan ‘Transwave’ dan satu skrin diletakkan dibelakang.
3. Lampu pendaflour dihidupkan dan ‘Transwave’ itu diselaraskan. Imej yang dihasilkan adalah dalam satu garis lurus. Ini mewakili permukaan air sebelum ia diganggu.
4. Bila pemegang ‘Transwave’ itu diputarkan, imej zarah-zarah pada skrin boleh dilihat bergetar ke atas dan ke bawah arah sudut tepat kepada arah pergerakan gelombang. Getaran pada fasa-fasa berlainan, jelas mewakili pergerakan sebenar zarah-zarah air di dalam permukaan air yang beralun.
5. Kombinasi getaran-getaran zarah-zarah air mewakili bentuk gelombang bergelar Gelombang Sinus yang maju kehadapan.

**Cadangan dan kesimpulan :**

Dengan menggunakan alat ini perambatan gelombang melintang boleh diperhatikan dengan jelas, sementara imej gabus hanya bergetar ke atas dan ke bawah sahaja pada sudut tepat dengan arah perambatan gelombang. Jadi dicadangkan supaya alat ini digunakan bersama-sama dengan spring slinki supaya ianya dapat digunakan dengan berkesan.

# 6

## PENINJAU POLAROID (FIZIK- MENENGAH ATAS / PRA-UNIVERSITI)

NG JIN GEE  
SMK ABDUL RAHMAN TALIB  
25250 KUANTAN, PAHANG

### Latar Belakang :

Konsep sinar cahaya berpolar serta tidak berpolar dan formula yang berkaitan dengan  $I = I_0/2$  dan  $I = I_0 \cos^2\theta$  adalah lebih mudah difahami jika pelajar didedahkan kepada pengalaman :

- a) Cahaya tidak terpolar
- b) Cahaya terpolar
- c) Cahaya terpolar yang melalui polaroid

Polaroid yang biasa digunakan disekolah boleh dibeli melalui pembekal barang sains tetapi ianya lebih kecil bersaiz 3 cm x 2 cm, berharga RM80.00 serta berbentuk tiga segi. Untuk menggunakannya pelajar terpaksa memegang alat ini hampir dengan mata untuk tujuan pemerhatian.

Peninjau polaroid yang dicipta ini lebih besar, bergarispusat 8 cm, memberikan keputusan yang lebih jelas. Tambahan pula ia boleh diperhatikan secara serentak oleh sebaris 4 atau 5 pelajar jika alat ini dipegang oleh guru pada paras mata.

Putaran pada sudut - sudut tertentu (antara paksi polaroid) membolehkan pelajar memerhati pengurangan dan penambahan keamatan cahaya apabila sudut antara polaroid ditambah.

### Objektif :

1. Memberi peluang pelajar mempunyai pengalaman mencipta sendiri alat peninjau polaroid
2. Memerhatikan dengan lebih jelas sinar cahaya terpolar dan tidak terpolar.
3. Menjmimatkan masa menjalankan eksperimen kerana alat ini besar dan boleh dilihat serentak

### Faedah kepada proses pengajaran dan Pembelajaran :

1. Pelajar lebih tertarik dengan penggunaan alat ini terutamanya apabila polaroid ini diputar mereka dapat memerhati dengan jelas mengurangan dan penambahan keamatan cahaya yang memasuki polaroid, seolah-olah seperti silap mata.
2. Pelajar dapat menerima ‘Teknologi Baru’ dari alat ini jika dibandingkan dengan polaroid biasa yang menggunakan penapis kaca atau plastik.
3. Walaupun kemahiran sebenar mengenai konsep yang abstrak ini memerlukan lebih banyak penerangan, perbincangan dan penyelesaian masalah namun ia merupakan set induksi dan bahan

- bantu yang boleh meyakinkan dan diterima oleh pelajar.
4. Pelajar dapat menerima formula yang berkaitan dengan lebih yakin.
  5. Pada akhir bab, kebanyakan pelajar STPM dapat menyelesaikan masalah yang melibatkan sinar cahaya berpolar.

**Bahan/  
Radas:**

Peninjau polaroid ini terdiri daripada;

- a) Dua penapis kamera polaroid berukuran 8 cm
- b) Satu paip PVC bergarispusat 8 cm – panjang 20 cm
- c) Satu penyambung paip PVC bergarispusat 8 cm.

d) Perbelanjaan:

Penapis polaroid 2 x RM 30.00	= RM 60.00
Paip PVC	= RM 1.00
Penyambung PVC	= <u>RM 2.50</u>
Total	= <u>RM 63.50</u>

**Kaedah  
mereka  
bentuk :**

1. Satu dari penapis polaroid itu dipasang ke dalam paip PVC dan digamkan.
2. Penapis kedua pula dipasang ke dalam penyambung paip PVC dan digamkan.
3. Beberapa sudut pada jarak  $10^{\circ}$  akan ditandakan pada penyambung PVC.
4. Satu titik rujukan akan ditandakan pada paip PVC dengan mendapatkan keamatan cahaya yang minimum bagi kedua-dua penapis.
5. Titik rujukan ditanda, bersesuaian dengan sudut  $90^{\circ}$  pada penyambung PVC.

**Cara  
Pelaksanaan :**

1.  $I = I_0/2$

Dengan memerhatikan keamatan cahaya yang memasuki polaroid, pelajar yakin mengenai formula diatas. Bukti sebenar dapat diperolehi dengan menjalankan eksperimen menggunakan meter keamatan .

2.  $I = I_0 \cos^2 \theta$

Dengan memasukkan paip PVC ke dalam penyambung PVC membolehkan sinar cahaya melalui dua polaroid dan ia diperhatikan pada satu hujung sambil diputar, lama-kelamaan pelajar dapat melihat :

Pengurangan keamatan cahaya apabila  $\theta$  berubah dari  $0^{\circ}$  hingga  $90^{\circ}$

Penambahan keamatan cahaya apabila  $\theta$  berubah dari  $90^{\circ}$  hingga  $180^{\circ}$

Pengurangan keamatan cahaya apabila  $\theta$  berubah dari  $180^{\circ}$  hingga  $270^{\circ}$

Penambahan keamatan cahaya apabila  $\theta$  berubah dari  $270^{\circ}$  hingga  $360^{\circ}$

### 3. Pengesahan faktor $\cos^2 \theta$

Bukti sebenar berkenaan formula, memerlukan data eksperimen yang menggunakan meter keamatan .  
Sinar pembalikan dipolarkan.

Dengan menggunakan polaroid ini, pelajar dapat melihat sinar pembalikan dari kaca tingkap di bilik darjah dan melihat sinar pembalikan “dipintas” oleh polaroid yang berputar pada sudut tertentu (rujuk 6-P1).

- (a) Sudut pada julat sekata, ditanda pada penyambung PVC yang memegang polaroid
- (b) Titik rujukan ditanda pada paip PVC yang memegang polaroid (rujuk 6 – P2)

Perhatikan pengurangan keamatan cahaya yang melalui kedua-dua polaroid berbanding cahaya sekitar (rujuk 6 - P3)

Peninjau polaroid dilaraskan pada nilai  $\theta = 0^\circ$  (rujuk 6 - P4)

Keamatan cahaya dikurangkan sedikit apabila  $\theta = 0^\circ$  (rujuk 6 - P5)

Perhatikan keamatan cahaya hampir sifar (rujuk 6 – P6)

Peninjau polaroid dilaraskan pada nilai  $\theta = 90^\circ$  (rujuk 6 - P7)

**Cadangan  
untuk  
pengubah-  
suaian :**

Agak sukar untuk melihat cahaya secara terus. Lebih mudah dan berkesan jika diletakkan sekeping kertas lutcahaya di dalam penyambung paip PVC. Cahaya yang dipancarkan melalui polaroid itu boleh dilihat di atas kertas tersebut. Bagi membandingkan cahaya tanpa polaroid dan cahaya melalui polaroid, satu tiub PVC lain yang tidak mempunyai polaroid tetapi mempunyai kertas lutsinar diletakkan sebelah menyebelah dengan penyambung paip PVC. Cahaya yang terkena pada kertas lutcahaya itu boleh dibandingkan.

# 7

## PROSES PEMBAHAGIAN SEL (BIOLOGI – MENENGAH ATAS)

ROHANA BT. ABDUL HALIM  
ROSLINAH BT. ALIAS  
KOLEJ MARA SEREMBAN  
JALAN AMINUDDIN BAKI  
70100 SEREMBAN, N. SEMBILAN

**Latar Belakang :** Ramai pelajar menghadapi masalah dalam memahami peringkat-peringkat dalam proses pembahagian sel. Proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih menarik seperti membuat model dan 'hands-on' akan memudahkan lagi pembelajaran mereka.

Model atau Kit pembelajaran ini mengandungi :

- Bahan-bahan untuk membuat model
- Kad arahan (5 keping)
- Model contoh struktur yang perlu dilabel disertakan bersama penerangan ringkas tentang struktur sel tersebut.
- Semua bahan-bahan dan arahan ditempatkan dalam bahagian yang berasingan di dalam sebuah kotak.

**Objektif :** Selepas sesi pengajaran dan pembelajaran, pelajar dapat :  
1. bekerjasama untuk membuat model  
2. memahami konsep dan kepentingan proses ini dalam sel dan organisma hidup  
3. mengingat urutan dan menerangkan semula setiap peringkat mitosis (IPMAT)

**Faedah kepada proses pengajaran dan pembelajaran:**  
▪ Kit ini dapat digunakan dalam topik "Sel Sebagai Unit Asas Kehidupan" dalam Biologi Tingkatan 4 dan juga topik "Variasi Dan Keturunan" dalam Sains Teras Tingkatan 4  
▪ Pembelajaran adalah lebih kepada inkuiри penemuan dan ini akan menambahkan minat pelajar  
▪ Dapat membentuk pemikiran kreatif  
▪ Boleh digunakan bagi aktiviti pembelajaran luar darjah

**Bahan/Radas :**  
Bahan-bahan untuk membuat model (7-P1):  

- Kad manila atau piring kertas
- Benang yang berlainan ketebalan dan warna
- Manik

Kad arahan (5 keping) (7-P2):  

- Setiap kad mengandungi maklumat dan arahan berkaitan fasa

- mitosis
- Maklumat yang disediakan termasuklah struktur dan posisi/kedudukan kromosom, membran nukleus, gentian gelendung, sentriol dan lain-lain yang berkaitan untuk menggambarkan kandungan dalam sel.
  - Kad-kad dinomborkan mengikut fasa yang berurutan

**Kaedah mereka bentuk :**

1. Bahan-bahan seperti yang ditunjukkan dalam (7-P1) disediakan
2. Kad-kad arahan dan maklumat ringkas disediakan untuk rujukan pelajar (7-P2 dan 7-P3)
3. Satu model lengkap bagi salah satu fasa mitosis tanpa label disediakan oleh guru (7-P4b ) untuk dilabelkan oleh pelajar.

**Cara Pelaksanaan :**

1. Pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan (maksima : 5 orang dalam satu kumpulan).
2. Setiap kumpulan diberikan satu set kit.
  - Setiap kumpulan akan membina model fasa mitosis dalam jangka masa yang ditetapkan berdasarkan maklumat yang terdapat dalam kad arahan.
  - Masa yang diberi bergantung kepada
    - samada setiap kumpulan perlu membina semua fasa, atau hanya satu fasa mitosis sahaja.
    - tahap kecerdasan pelajar
